

BAHAGIAN IV

■ HAK-HAK DAN LIABILITI-LIABILITI ANGGOTA-ANGGOTA

10. Menandatangani ikrar

- (1) Sebelum seseorang diterima menjadi anggota sesuatu koperasi berdaftar, dia hendaklah menandatangani suatu ikrar bahawa dia akan terikat dengan undang-undang kecil yang sedia ada bagi koperasi itu dan dengan apa-apa pindaan kepada undang-undang kecil tersebut yang dibuat di sisi undang-undang semasa tempoh keanggotaannya.
- (2) Seseorang yang telah pun menjadi anggota atas sebab penyertaannya dalam memohon pendaftaran koperasi itu adalah dikehendaki menandatangani ikrar yang sama dalam masa empat puluh lima hari selepas menerima perakuan pendaftaran itu. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan dia dipecat.

11. Penyingkiran daripada keanggotaan

Koperasi berdaftar hendaklah menyingkir daripada keanggotaannya mana-mana orang yang didapati telah diterima bertentangan dengan seksyen 26, 27 atau 29 Akta, selepas berkuatkuasanya Akta.